

Pembangkang tidak demokratik

Rumah dah siap pahat masih berbunyi. Inilah perumpamaan bagi keputusan pilihan raya yang sudah diumumkan tetapi mendapat tentangan.

Apa yang jelas, pihak yang menyatakan bahawa mereka mengangkat demokrasi adalah tidak demokratik dan menolak keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13.

Pihak pemerhati bebas mengakui pilihan raya dijalankan dengan sempurna. Justeru, rakyat memilih pucuk pimpinan negara untuk lima tahun akan datang.

Apa yang perlu dilakukan oleh pihak pembangkang ialah memberhentikan sebarang aktiviti demonstrasi dan petisyen yang hanya akan melambatkan proses pembangunan negara dan perpaduan kaum.

Pembangkang sepatutnya bersama-sama dengan kerajaan untuk membantu bagi memperbaiki kehidupan masyarakat.